

# Jangan pinggirkan desa

Oleh FAUZIAH AROF  
dan ZAINI RABAN

**BANTING** 25 Nov. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, pembangunan kampung harus diperkasakan sehingga ke tahap terbilang dan tidak tercicir atau dipinggir dari arus kemajuan negara.

Beliau berkata, langkah memperkasakan kampung membolehkan usaha seperti membasmi kemiskinan tegar dan mengurangkan kemiskinan relatif dapat dicapai, selain memastikan usaha membangunkan modal insan tidak keciciran hingga mampu menghasilkan golongan profesional dan meningkatkan pendapatan penduduk.

"Sementara itu, kampung yang telah dinobatkan sebagai desa cemerlang tidak harus berpuas hati dengan kejayaan itu, sebaliknya perlu terus berusaha meningkatkannya ke tahap gemilang dan terbilang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penyampaian hadiah Anugerah Desa Cemerlang Peringkat Kebangsaan 2006 di Kampung Kundang, Morib, dekat sini hari ini.

Abdullah berkata, usaha memperkasakan kampung itu memerlukan langkah yang berterusan serta berpandangan jauh dan mencetuskan idea baru.

"Kita mahu tingkatkan usaha menjadikan kampung kita lebih baik lagi. Kalau dulu cemerlang, sekarang mesti gemilang, nanti terbilang di masa depan. Kena terus berusaha. Jangan sesekali kurangkan semangat," katanya.

Untuk itu, katanya, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah perlu mengadakan penanda aras bagi setiap kategori desa iaitu cemerlang, gemilang dan terbilang.

Menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia berada pada kedudukan pertama sebagai negara paling berusaha membasmi kemiskinan, kata Perdana Menteri.

Menyentuh aspek keciciran, Abdullah berkata beliau tidak mahu ada anak kampung yang tidak ke sekolah dengan menggunakan alasan kemiskinan.

Sehubungan itu, beliau meminta pemimpin di kampung serta wakil rakyat memantau agar tidak ada anak penduduk kampung yang tercicir dan tidak ke sekolah.

Beliau berkata, kerajaan mahu melihat setiap pelajar di negara ini menamatkan pendidikan mereka hingga ke peringkat sekolah menengah.

Abdullah memberi contoh dirinya sendiri dan Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr. Mohamed Khir Toyo, walaupun anak kampung, telah berjaya hingga memegang jawatan penting dalam negara, masing-masing sebagai Perdana Menteri dan Menteri Besar.

Beliau mahu melihat setiap keluarga di kampung mempunyai anggota keluarga yang melanjutkan pengajian ke universiti selain melahirkan sekurang-kurangnya seorang ah-

li profesional dan seorang usahawan.

Bagi mengatasi masalah pengangguran, Perdana Menteri berkata, peluang pekerjaan boleh diwujudkan di kampung, bukan sahaja melalui bertani tetapi juga penglibatan dalam industri kecil yang berkaitan dengan bidang pertanian dan industri asas tani.

Peluang menjana pendapatan juga boleh diraih daripada program *homestay* yang ternyata

amat digemari pelancong asing, katanya.

Abdullah berkata, penduduk kampung harus meneladani usaha pihak hotel yang membina calet berbentuk rumah tradisional sambil memperindahkannya persekitaran mereka kerana ia akan menarik minat pelancong.

Beliau juga mahu usaha digembeng dalam memerangi ancaman dadah kerana menu-rutnya, dalam 10 matlamat pembangunan

yang digariskan PBB, Malaysia lulus dalam semua bidang kecuali berkenaan dadah.

"Oleh itu pemimpin di kampung perlu mempunyai maklumat dan data yang tepat mengenai perkembangan dan aktiviti penduduk bagi merancang pembangunan kampung dengan lebih baik dan menggunakan peruntukan yang diberi secara berkesan," jelasnya.

Um - 26/11/2006  
Kita mahu tingkatkan usaha menjadikan kampung kita lebih baik lagi. Kalau dulu cemerlang, sekarang mesti gemilang, nanti terbilang di masa depan. Kena terus berusaha. Jangan sesekali kurangkan semangat.

- Abdullah Ahmad Badawi